



KENYATAAN MEDIA

MENTERI EKONOMI

PELAN HALA TUJU PERALIHAN TENAGA (FASA 1) BAKAL MENJANA PELABURAN BERJUMLAH RM25 BILION DAN 23,000 PEKERJAAN BERNILAI TINGGI

Malaysia telah melancarkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (Fasa 1) (*National Energy Transition Roadmap, NETR Part 1*) bagi mengemudi peralihan sektor tenaga ke arah mencapai sasaran pelepasan GHG sifar bersih seawal-awalnya pada tahun 2050. Komitmen ini dijangka memerlukan pembiayaan yang dianggarkan bernilai antara RM435 bilion sehingga RM1.85 trilion.

NETR Fasa 1 menyasarkan peluang pelaburan melebihi RM25 bilion, pewujudan 23,000 peluang pekerjaan yang berkemahiran dan bernilai tinggi, serta mengurangkan 10,000 gigagram pelepasan karbon dioksida setara setahun. NETR menumpukan enam pemacu peralihan tenaga, iaitu kecekapan tenaga (EE), tenaga boleh baharu (TBB), hidrogen, biotenaga, mobiliti hijau, dan pemerangkapan, penggunaan, dan penyimpanan karbon (*carbon capture, utilisation and storage, CCUS*).

Satu memorandum persefahaman (MoU) turut dimeterai antara UEM Group Berhad, anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad, dan ITRAMAS Corporation Sdn. Bhd. bagi membangunkan sebuah Loji Janakuasa Solar PV

Hibrid 1 gigawatt bersepadu beserta Taman Perindustrian TBB. Projek ini dianggarkan mempunyai kapasiti terpasang TBB yang terbesar di Asia Tenggara dan melibatkan pelaburan sejumlah RM6 bilion oleh pelabur-pelabur terkemuka antarabangsa.

Selain MoU berkenaan, antara projek berimpak tinggi yang akan dilaksanakan di bawah NETR Fasa 1 adalah:

(1) Solar Terapung Hidro Hibrid (*Hybrid Hydro-Floating Solar*):

pembangunan solar terapung dengan potensi kapasiti keseluruhan 2,500 MW di empangan hidro TNB bagi penjanaan elektrik merangkap stor simpanan tenaga;

(2) Solar Kediaman: pembinaan 4.5 MW solar bumbung (*rooftop solar*) di kediaman melalui sistem penyewaan, dengan kapasiti sehingga 10 kW bagi setiap rumah;

(3) Hidrogen: 3 projek bersepadu pengeluaran hidrogen hijau, sekaligus menjadikan Sarawak sebagai hab hidrogen hijau serantau. Komponen projek merangkumi pembinaan kilang pengeluaran di Kuching menjelang tahun 2025 untuk kegunaan domestik dan dua kilang pengeluaran di Bintulu menjelang tahun 2027 bagi tujuan eksport;

(4) Mobiliti Hijau: pemasangan 10,000 stesen pengecas kenderaan elektrik di lebuh raya dan bangunan komersial, serta projek elektrifikasi pengangkutan awam; dan

(5) CCUS: projek rintis di lapangan gas dengan kandungan karbon dioksida tinggi di Kasawari dan Lang Lebah yang dijangka beroperasi menjelang tahun 2026 dan 2028.

NETR bakal membuka lembaran baharu naratif pembangunan negara melalui penggembleran usaha bersepadu bagi menjadikan Malaysia negara peneraju serantau dalam peralihan tenaga. Indeks Peralihan Tenaga 2023 (*Energy Transition Index*) oleh *World Economic Forum* (WEF) telah meletakkan Malaysia di kedudukan pertama di Asia Tenggara, sekaligus mengesahkan potensi dan ketersediaan negara untuk menarik pelaburan global dalam bidang TBB dan teknologi hijau bagi memacu peralihan tenaga.

Kerajaan dijangka akan memuktamadkan hasil kajian NETR melalui peluncuran NETR Fasa 2 dalam beberapa minggu lagi. Dokumen ini dijangka akan menzahirkan laluan rendah karbon, campuran tenaga utama dan sasaran pengurangan pelepasan GHG oleh sektor tenaga melalui pelan tindakan dan inisiatif bersesuaian, selain merangsang potensi pelaburan dan penerokaan rantaian nilai baharu dalam industri tenaga bersih.

NETR Fasa 1 menzahirkan komitmen Kerajaan Perpaduan dalam mengemudi hala tuju ekonomi negara berteraskan “Ekonomi MADANI, Memperkasa Rakyat” yang diluncurkan oleh YAB Perdana Menteri awal hari ini. NETR adalah strategi Malaysia dalam mendepani trend peralihan tenaga global yang sedang berkembang pesat. Selain meneroka peluang pembangunan ekonomi baharu dan merencanakan pelaburan dalam dan luar negara, NETR juga merupakan iltizam bagi menjamin masa depan negara serta kesejahteraan rakyat melalui pengurusan peralihan tenaga secara adil, inklusif dan teratur.

RAFIZI RAMLI

27 Julai 2023